



SIARAN MEDIA

NBiOSHOWCASE 2024 UMUMKAN SYARIKAT BIOTEKNOLOGI BERSTATUS UNICORN PERTAMA DI MALAYSIA, JANA HAMPIR RM3 BILION PELABURAN ASING

KUALA LUMPUR, 17 Julai 2024 – ALPS Global Holding Berhad (ALPS), kumpulan syarikat bioteknologi bersepadu yang diberikan fasilitasi oleh Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) telah diumumkan sebagai syarikat bioteknologi Malaysia pertama yang mencapai status unicorn di negara ini. Pengumuman tersebut dibuat pada hari ini semasa majlis perasmian persidangan dan pameran National Bioeconomy Showcase 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama Bioeconomy Corporation sebagai penganjur utama. Majlis perasmian NBiOSHOWCASE 2024 telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Pencapaian ini memenuhi salah satu matlamat utama di bawah Dasar Bioteknologi Negara 2.0 yang menyasarkan penciptaan tiga syarikat bio-inovasi dengan status unicorn menjelang tahun 2030. ALPS dijangka akan disenaraikan di Nasdaq pada suku keempat tahun 2024 dengan nilai perusahaan kira-kira AS\$1.6 bilion, lalu membawa nama Malaysia ke persada dunia dan membuktikan keupayaan negara dalam menghasilkan syarikat berteknologi tinggi yang mampu bersaing di peringkat global.

Kejayaan ini adalah hasil usaha bersama MOSTI dan Bioeconomy Corporation yang telah memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan syarikat bioteknologi tempatan dan perkembangan pelaburan asing berkaitan bioteknologi di Malaysia. Ini termasuk pelaburan daripada Biocon, syarikat gergasi bioteknologi dari

India yang telah memberi komitmen untuk beroperasi di Malaysia sejak tahun 2011 dengan jumlah pelaburan hampir RM3 bilion. Melalui fasilitasi daripada Bioeconomy Corporation, Biocon telah memberi komitmen untuk mengembangkan kemudahan pembuatan insulin baharu mereka yang dijangka akan beroperasi pada tahun 2026 lalu mewujudkan lebih daripada 1,100 pekerja berkemahiran tinggi dan menjadikannya sebagai salah satu pusat penyelidikan dan pembuatan insulin bersepadu terbesar di dunia di samping meningkatkan akses produk-produk insulin bagi pesakit di Malaysia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang dalam ucapannya menekankan bahawa kerjasama yang dijalin di NBiOSHOWCASE 2024, termasuk pertukaran 11 memorandum persefahaman dengan nilai anggaran RM1.5 bilion antara penggerak industri bioteknologi, jelas menunjukkan perkembangan industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia yang semakin matang dan berdaya saing di peringkat global. “Melalui sokongan MOSTI, lebih daripada 520 syarikat bioteknologi dan berasaskan bio telah diberikan fasilitasi oleh Bioeconomy Corporation, termasuk syarikat berstatus BioNexus, syarikat di bawah program Bio-based Accelerator (BBA), serta syarikat yang terlibat dalam projek-projek bioteknologi berimpak tinggi di Malaysia. Secara kumulatif, semua syarikat ini telah merekodkan pencapaian yang amat memberangsangkan dengan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM14.3 bilion dan menyumbang kepada pendapatan KDNK negara sebanyak RM37.5 bilion,” kata beliau.

Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, En Mohd Khairul Fidzal Abdul Razak berkata pengiktirafan ALPS sebagai sebuah unicorn akan memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang bioteknologi di rantau ini, khususnya dalam sektor penjagaan kesihatan. “Penciptaan unicorn dalam industri bioteknologi juga membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan pembangunan bakat di kalangan rakyat Malaysia serta meningkatkan keupayaan pekerja tempatan dalam bidang STI. Melalui sokongan kuat daripada kerajaan dan MOSTI, Bioeconomy Corporation akan memperhebatkan lagi usaha untuk memastikan industri bioteknologi dan berasaskan bio memacu Malaysia ke persaingan global yang lebih tinggi, meningkatkan kecekapan teknologi tempatan dan mencapai matlamat sumbangan sebanyak lima (5) peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) seperti yang ditetapkan dalam Dasar Bioteknologi Negara 2.0.,” tambah beliau.

Persidangan dan pameran NBIOSHOWCASE 2024 yang bertemakan “Bioekonomi untuk Semua” merupakan platform untuk mencapai objektif Dasar Bioteknologi Negara 2.0 bagi memajukan sektor bioteknologi dan berasaskan bio sebagai pemacu utama ekonomi negara ke arah mewujudkan masyarakat bio-inovasi menjelang tahun 2030. NBIOSHOWCASE 2024 melibatkan hampir 140 reruai dengan lebih daripada 110 pempamer dan dijangka akan dihadiri 4,000 orang pelawat. Lebih daripada 50 program dan aktiviti dijalankan di acara itu termasuk forum khas dan sesi perkongsian oleh pakar-pakar industri, peluang dana dan pekerjaan, pelancaran produk, pertukaran MoU, pameran syarikat berstatus BioNexus dan BBA, penjualan produk, rangkaian perniagaan, demonstrasi makmal, aktiviti untuk pelajar sekolah, saringan kesihatan, usaha kelestarian melalui Tanggungjawab Sosial Korporat, serta kuiz dan permainan.

NBIOSHOWCASE ditaja oleh 15 penggiat industri bioteknologi besar, seperti Penaja Platinum, Alps Global Holding Berhad yang merupakan sebuah syarikat bioteknologi berstatus unicorn yang membangunkan perubatan jitu melalui teknologi genomik DNA, mRNA, dan terapi selular. NBIOSHOWCASE, juga ditaja oleh penggerak industri bioteknologi utama termasuklah YHL Foods Sdn. Bhd., Free The Seed Sdn. Bhd., Nature Similars Sdn. Bhd., GoodMorning Global Sdn. Bhd., Sarawak Digital Economy Corporation, Mirxes Pte Ltd, Nextgreen Global Berhad, Biocon Sdn. Bhd., Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd., Invest Selangor Berhad, MTC Orec Sdn. Bhd., Entomal Biotech Sdn. Bhd., ReNIKOLA Holdings Sdn. Bhd., dengan Kerajaan Negeri Sarawak sebagai rakan strategik, Glyken sebagai penaja minuman berasaskan sarang burung dan Bernama sebagai rakan media.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://linktr.ee/NBIOSHOWCASE2024> atau hubungi nbioshowcase2024@bioeconomycorporation.my.

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

17 JULAI 2024

Mengenai Bioeconomy Corporation

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) merupakan agensi pembangunan ekonomi utama bagi industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2005, Bioeconomy Corporation berada di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Bioeconomy Corporation memberi sokongan, kemudahan dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pelaburan, R&D, pembangunan modal insan, infrastruktur kewangan, rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan, pembangunan strategik, dan sokongan kerajaan. Melalui perkhidmatan ini, Bioeconomy Corporation membangunkan komuniti perniagaan, akademik, dan saintifik yang memacu industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia.

Melalui Bioeconomy Corporation, Kerajaan menganugerahkan Status BioNexus kepada syarikat antarabangsa dan Malaysia terpilih yang menjalankan aktiviti bioteknologi, berasaskan bio atau sains hayat. Dengan status ini, syarikat BioNexus menerima insentif fiskal, fasilitasi dan jaminan lain yang diuruskan oleh Bioeconomy Corporation bagi membantu pembangunan syarikat.

Bioeconomy Corporation juga menawarkan program Bio-based Accelerator (BBA) yang membantu syarikat-syarikat pemula, perniagaan mikro dan syarikat besar dalam sektor berasaskan bio untuk menerapkan sains, teknologi dan automasi dalam operasi perniagaan mereka, supaya mereka menjadi lebih inovatif dan celik teknologi. Program ini mengenal pasti jurang dalam kemahiran, penggunaan teknologi, kewangan, kawal selia dan kebolehpasaran produk. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bioeconomycorporation.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bioeconomy Corporation

Nur Akmar Yusoff

Eksekutif,

Komunikasi Strategik

Malaysian Bioeconomy Development Corporation

Tel: +6012 690 6108 | Emel: akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my